

SEJARAH DAN ADAT LINGGI

Latchan Ilmiah

Untuk Memenuhi Keperluan Kelulusan

B.A. (Honours)

Jabatan Pengkajian Melayu

oleh

MOHAMAD ALI BIN HAJI ABDUL AZIZ

UNIVERSITI MALAYA
DI KUALA LUMPUR

DECEMBER, 1960

SEPATUH KATA

Salah satu 'adat yang di'adatkan oleh orang tua-tua dahulu ialah,
 TUJUAN 'Adat Linggi. 'Adat ini dipakai di Kampong Linggi iaitu sebuah,
 kampong orang-orang Melayu yang berketurunan Bugis Riau. Letaknya
 kampong itu ialah di selatan Negri Sembilan.

Kononnya 'Adat Linggi yang dipakai sekarang ialah satu 'adat yang sudah
 diubah oleh mereka-mereka yang chenderong kepada 'Adat Perpatih. Perubahan ini
 sungguh menarik — menarik kerana adanya gulungan waris-waris Linggi yang ter-
 pengaruh oleh 'Adat Perpatih, — menarik kerana adanya perubahan dikalangan
 masyarakat Linggi sendiri. Tujuan saya ialah hendak menggambarkan 'Adat Linggi
 dahulu dan sekarang sebagai satu pengkajian mengenai masyarakat 'adat dan juga
 hendak menentukan perubahan-perubahan serta masa perubahan itu dilakukan.

Pengkajian ini adalah terbahagi dua iaitu yang pertama ialah
 CHARA PENGAJIAN bahagian sejarah yang berasaskan dua sumber iaitu, pertama, dari
 buku-buku yang ditulis oleh orang-orang ternama, teristimewa,
 Raja Ali al-Haj, T. J. Newbold, R. J. Wilkinson, R. O. Winstedt dan J. M. Gullick,
 dan kedua, dari hasil penyiasatan saya yang telah saya bandingkan dengan tulisan-
 tulisan orang ternama itu. Bahagian ini, rasa saya, adalah berguna untuk memahami
 bahagian kedua iaitu 'Adat Linggi yang berasaskan semata-mata hasil penyiasatan
 saya sendiri.

Didalam masa menyediakan latehan ini saya telah menemui beberapa
 BERTERIMA KASIH orang tua-tua Linggi dan kepada merekalah saya ucapkan berbanyak
 terima kasih, terutamanya kepada Dr. Mohd. Said bin Mohd.,
 Menteri Besar Negri Sembilan, Che'Gu Abdul Samad bin Zainuddin, Dato' Panglima Perang
 Linggi, dan Inche' Yahya bin Abu, Dato' Muda Linggi. Kepada Tuan Mohd. Yusof bin
 Darus, Pegawai Daerah Port Dickson, yang telah memijamkan saya buku Undang-Undang

Tubuh Kerajaan Negri Sembilan 1959, dan juga kepada Tuan Haji Zainal 'Abidin bin Ahmad dan Tuan Haji Abdul Aziz bin Haji Mohd. Khamis yang telah memberi saya banyak dorongan dan petunjuk, saya ucapkan terima kasih.

Akhirnya ucapan terima kasih saya adalah ditujukan kepada Tuan M. G. Swift yang telah membimbing saya dari awal hingga akhir pengkajian ini.

Mohamad Ali bin Haji Abdul Aziz.

Universiti Malaya di Kuala Lumpur,
December, 1960.

K A N D U N G A N

SEPATAH KATA	...	...	...	Muka i
BAB I - PENDAHULUAN	...	...	...	1
BAB II - SEJARAH LINGGI	...	...	...	3
BAB III - 'ADAT LINGGI	...	...	...	21
BAB IV - PENTADBIRAN 'ADAT	...	...	...	33
BAB V - PEMBESAR PEMBESAR LINGGI	...	...	...	38
BAB VI - PERTIKAIAN 'ADAT DI LINGGI	...	...	...	44
BAB VII - PENUTUP	...	...	...	52
RENGKASAN (Inggeris)	...	...	...	57

PENGHUJUNGAN:

1. PETA LINGGI
2. PETA NEGRI SEMBILAN
3. SURAT IKHRAR WARIS-WARIS LINGGI
4. ASAL USUL DATO' MUDA
5. ASAL USUL ORANG LINGGI
6. SUMBER BACHAAN

PENDAHULUAN

Saya ada membaca satu berita tentang pertikaian 'adat di Linggi dalam Utusan Melayu keluaran 22hb. February 1960. Didalam berita itu ada disebutkan bahawa "'adat yang berjalan di Linggi sekarang sangat bertentangan dengan 'adat asalnya kerana 'adat orang Linggi yang baru ini ialah mengikut 'adat sechara Perpatih iaitu berperut dan bukannya 'adat yang turun temurun."

Berita itu telah menarik perhatian saya dan oleh kerana 'adat orang Linggi itu belum ada ditulis orang sechara mendalam maka saya buat ketetapan untuk menyiasat tentang 'adat ini terutamanya 'adat asli yang turun temurun itu dari orang tua-tua Linggi yang tahu untuk dijadikan bahan bagi memenuhi Latchan Ilmiah ini.

Ada juga orang-orang ternama teristimewa Tuan J. M. Gullick menulis tentang Linggi tetapi tulisan mereka tidak cukup kerana mereka lebih mementingkan sejarah daripada 'adat Linggi, dan lagi kerana tulisan mereka itu ada yang merupakan chatatan sambil lalu dan ada pula sebagai ranting daripada tulisan pokok iaitu Luak Sungai Ujong, kerana kepada mereka Linggi itu tidak boleh dipisahkan dari Luak Sungai Ujong bahkan sebahagian daripadanya. Oleh yang demikian saya akan chuba membuat gambaran yang lengkap tentang 'adat orang Linggi ini setakat yang terupaya oleh saya kerana masa dan bidang Latchan ini adalah terhad.

Kedudukan Linggi.

Adalah Linggi itu letaknya dua puluh batu di selatan Seremban, dan didalam Luak Sungai Ujong. Tetapi pada masa dahulu Linggi itu ialah wilayah yang mempunyai sempadan dan seorang ketua yang bergelar Dato' Penghulu yang kemudiannya bergelar Dato' Muda dan juga tiga orang Orang Besarnya.

Sempadan wilayah Linggi itu tidaklah mendapat ketentuan yang sebenarnya tetapi yang pasti ialah dari Kuala Seliau dan menerusi ulu Sungai Raya, Permatang Pasir hingga sampai ke Simpang Linggi dikiri kanan sungai itu dan kemudian mudok sungai disebalah Rembau dan dari Tebing Tinggi sampai ke Bukit Mandi Angin dan balik ke Kuala Seliau (lihat penghujungan 1). Inilah kawasan yang diberi oleh Dato' Kelana Leha kepada orang-orang Bugis dalam tahun 1780. Orang-orang Bugis itu datang ke Rembau dari Riau dan dudok di Penajis. Kemudian mereka pindah ke Linggi dan didalam kawasan itulah Dato' Muda Linggi itu Bergajah Tunggal iaitu bebas untuk mendirikan 'adat isti'adatnya sendiri. Sekarang kedudukan Dato' Muda itu tidaklah mendapat ketentuan lagi hanya mengikut pepatah iaitu 'Berbapa ke Kelana dan beremak ke Bandar'.

Menurut kata orang luar orang-orang Linggi itu umpama padi setangkai,

'adat ta' tertentu,

bilang ta' berator,

oleh kerana 'adat orang Linggi ini berlainan daripada 'Adat Perpatih yang dipakai dilain-lain tempat dalam Negri Sembilan maka 'Adat Linggi itu haruslah pada fikiran saya ditulis tanpa mengusik 'Adat Perpatih itu.

II

SEJARAH LINGGI1. Sebelum tahun Masehi 1775.

Sejarah Linggi ialah sejarah biji timah dan lain perdagangan dengan daerah-daerah pendalaman. Pada zaman Melaka dahulu saudagar-saudagar dan pelumbong-pelumbong pernah keluar masuk Sungai Ujong melalui Sungai Linggi.

1.1. Sungai Linggi mula-mula dikenal dalam tahun 1613 sebagai Sungai Panagim¹. Sungai ini berchabangkan Sungai Rembau dan tempat dimana kedua-dua sungai itu bertemu ialah Simpang Linggi, iaitu satu kawasan didalam Rembau. Biji timah dari Sungai Ujong dan Jelebu yang mengalir Sungai Linggi itu lalu didalam kawasan ini. Oleh kerana itu Penghulu dan ketua-ketua suku Rembau adalah berkuasa penuh diatas biji-biji itu. Tetapi dalam tahun 1646, iaitu selepas orang-orang Feringgi dihalau keluar dari Melaka, "Orang-orang Belanda telah membuat satu perjanjian persahabatan dan perdagangan dengan ketua-ketua Rembau itu."² Dengan itu Belanda berkuasa untuk mengambil biji-biji itu di Kuala Linggi.

Untuk mendapatkan hasil biji itu, tentulah ada seorang dua ketua yang disuruh menjaga muara Sungai Linggi itu supaya sampan terselamat daripada ditahan dan dikenakan cukai oleh orang lain.

1.2 Adalah diperchayai bahawa Bendahara Sekudai³ telah datang dan tinggal bersama orang Sakai dekat Pengkalan Dian didalam Linggi selepas tahun 1640. Dia berkawin dengan Batin Sibu Jaya⁴. Kemudian dia mudik ke Kuala Seliau. Dari sana dia pergi ke Rembau dan lepas itu dia terus pergi ke Sungai Ujong..

1. 'Emanuel Godinho de Eredia's 1613 description of Malacca' terjemahan J.V. Mills dlm JMFRAS jld VIII bil 1(1930). Lihat peta disebelah muka 207.

2. Rembau oleh C.W.C. Parr and W.H. Mackray dlm JSFRAS No.56(1910) ms.15 hal 29-30.

3. Keturunan yang ketujuh daripada Sri Nara di-Raja Tun Ali yang menjadi ipar kepada Sultan Mohd. Shah, Melaka (1424-46). Dia ini pernah menjadi Bendahara Negri Johore.

4. Keturunan daripada Bendahara Sekudai dan Batin Sibu Jaya ini-lah yang menjadi Waris Sungai Ujong.

Tuan J. M. Gullick ada mengatakan bahawa dimuara Sungai Linggi itu tidak ada apa-apa tempat kediaman¹. . Jika kata Tuan J. M. Gullick itu benar siapa pula orang Sakai yang bertemu dengan Bendahara Sekudai itu?

Tun Sri Lanang² tidak ada menyebutkan tentang tempat-tempat kediaman ditepi-tepi pantai dari Tanjong Tuan hingga ke selatan. Boleh jadi pantai-pantai itu, termasuk juga muara Sungai Linggi itu, ialah sebahagian daripada kawasan Melaka.

Oleh Raja Ali Haji pula ada ditulisnya satu ayat iaitu,

"Adalah di Kuala Linggi itu orang Bugis-Bugis Selangor memulai memasang belat mengambil ikan, maka datanglah seorang surohan daripada Penghulu Linggi itu minta hasil kepada Bugis itu."³

Dari keterangan ini tentulah Kuala Linggi itu didiami orang, kalau tidak masakan tempat itu berpenghulu.

Tuan R. N. Bland ada mengatakan bahawa Kuala Linggi itu didiami oleh "Orang Rayat atau Jakun"⁴ dan ketua mereka ialah seorang yang bergelar Batin.

Saya lebih suka mengikut Raja Ali Haji daripada sumber-sumber lain dalam menentukan siapa yang mula-mula mendiami Kuala Linggi itu, kerana Raja Ali Hajilah yang mula-mula menhuba menuliskan satu sejarah Raja-Raja Bugis dengan pengarahannya.. didalam negeri-negeri Melayu terutamanya Riau, Linggi, Johore, Selangor dan Siak. Bukunya Tuhfat al-Nafis mula ditulis dalam tahun 1282 Hijrah atau 1865 Masehi.

1.3. Raja Ali Haji ada menyebutkan kesah Megat Sri Rama menderhaka kerana hendak membalas kematian isterinya dan ia telah membunuh Raja Johore, Sultan Mahmud namanya⁵. Perbuatan Megat itu dibernarkan oleh Bendahara, Temenggong dan Indra Bongsu. Dengan kemangkatan Sultan Mahmud itu, Dato' Bendahara diangkat menjadi Raja Johore bergelar Sultan Abdul Jalil Riayat Shah (1699-1719),

1. Sungai Ujong dlm JMERAS jld. XXII bil.2(1949) ms.56 hal.43.

2. Penulis buku 'Sejarah Melayu'.

3. Tuhfat al-Nafis dlm JMERAS jld.X bil.2(1932) ms.45 hal.7-8.

4. Aturan Sungai Ujong dlm JSERAS No.28(1895) ms.67 hal.2-4.

5. Tuhfat al-Nafis ms.29 hal.9.

dan adeknya Indra Bongsu dijadikan Yam Tuan Muda. Baginda pindah ke Riau dan Y.T.M. Indra Bongsu pergi berperang ke Batu Bahara, Deli dan Indragiri, kemudian balik ke Johore lalu menyuruh Dato' Temenggong pergi berperang ke Linggi¹. Tidak hairanlah bahawa pada masa 'Bugis-Bugis Selangor' memasang belat itu Linggi adalah dibawah perintah Raja Kechil².

1.4. Kemudian Rajah Ali Haji mengesahkan fasal Raja Kechil mendapat gelaran Yam Tuan dan juga satu chap daripada Y.T. Sakti³ (Minangkabau). Ia telah memerintah Bengkalis dan bersiap hendak melanggar negeri Johore dalam tahun 1717. Ia berjumpa dengan Upu Daing Perani dan Upu Daing Chela⁴ dan mengajak anak Raja Bugis itu melanggar negeri Johore serta berjanji akan menjadikan Upu Daing Perani Yang di-Pertuan Muda Riau dan Johore. Kedua-dua Daing itu mengaku akan menolong Raja Kechil. Mereka pun pergi ke Langat (Selangor) kerana hendak mengadakan satu angkatan orang-orang Bugis. Tetapi Raja Kechil tidak menepati janjinya. Ia telah melanggar dan mena'alog Johore Lama tanpa menunggu bantuan Raja-Raja Bugis itu.⁵

Oleh kerana itu Upu Daing Perani pergi melanggar serta mengalahkan Riau dalam tahun 1721. Tetapi Upu Daing Perani tidak dapat tinggal lama di dalam Riau kerana Raja Kechil telah mengambilnya dari tangan Bugis-Bugis itu.⁶

1.5. Kekalahan itu telah menyebabkan Raja-Raja Bugis bertambah 'azam untuk membalas dendam keatas Raja Kechil. Kali ini mereka lakukan dengan tipu muslihat pula iaitu dengan menarik perhatian Raja Kechil supaya ia keluar dari

-
1. Tuhfat al-Nafis ms.29 hal.6.
 2. Ibid. ms.45 hal. 32. Raja Kechil ini ialah Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah, yang bersemayam di Riau dalam tahun 1717 hingga tahun 1722.
 3. Ibid. ms.34 hal.4.
 4. Dua orang daripada anak-anak Raja Bugis Upu Tenribong Daing iaitu Upu yang lima beradek, yang keliyar dari Siantan. Mereka itu ialah Daing Perani, Daing Menambun, Daing Merewah, Daing Chela' dan Daing Kamase. Upu itu ialah nama gelaran bagi anak Raja-Raja Bugis.
 5. History of Selangor oleh R. O. Winstedt dlm JMERAS jld. XII bil.3 (1934) ms.3 hal.30-39.
 6. Ibid. ms.4 hal.1-2.

Riau. Itulah sebabnya Kelana Jaya Petra Daing Merewah¹ menyuruh orang-orangnya pergi memasang belat di Kuala Linggi. Tujuannya, agak saya, ialah hendak menyakitkan hati Penghulu Linggi itu supaya ia pergi ke Riau menyebarkan hal itu kepada Raja Kechil. Sudah tentulah Raja Kechil datang ke Linggi, kerana Kuala Linggi pada masa itu sangat penting. Tambahan pula Raja Kechil hendakkan hasil perdagangan yang keluar masuk Kuala Linggi itu.

Sangkaan Raja-Raja Bugis itu betul. Apabila dilihat oleh Penghulu Linggi Bugis-Bugis Selangor itu sudah balik, ia pun menyuruh juak-juaknya pergi menchinchang belat Bugis itu dan menghantarkannya kepada Kelana Jaya Petra. Kelana Jaya Petra marah, lalu datang melanggar Linggi.²

Penghulu Linggi tidak terlawan dan oleh yang demikian ia telah meminta aman kepada Kelana Jaya Petra kerana hendak mengadap Raja Kechil. Apabila Raja Kechil mendapat khabar tentang serangan-serangan Bugis itu di Kuala Linggi, maka ia pun meninggalkan Riau kerana hendak menolong Penghulu Linggi itu. Inilah yang ditunggu oleh Raja-Raja Bugis itu dan apabila Raja Kechil masuk kedalam Linggi, angkatan Raja-Raja Bugis itu berpechah dua, satu dibawah perintah Kelana Jaya Petri yang meneruskan berperangan di Linggi itu dengan Raja Kechil dan yang satu lagi adalah dibawah Upu Daing Perani yang pergi ke Riau dan mena'alog negeri itu bagi kali yang keduanya.

1.6. Di Kuala Linggi Raja Kechil telah dikalahkan dan ia pun undur ke Riau. Ia mendapat tahu bahawa Upu Daing Perani sudah berlepas ke Riau. Oleh itu ia tidak jadi balik ke Riau. Sebaliknya ia lari ke Siak serta membuat negeri dan kubu disana. Apabila Kelana Jaya Petra melihat Raja Kechil lari ke Siak, ia pun masuk kedalam Linggi dan Penghulu Linggi pun tundok kepada Raja Bugis itu, "bersetia dan berjanji tiada menderhaka kepada Raja Bugis"³. Dengan itu Linggi jatuh ketangan Bugis.

1. Menurut Winstedt, Upu Daing Peranilah yang bergelar Kelana Jaya Petra itu.

2. Lihat 'History of Johore' dlm JMERAS jld.X bil.1(1932) ms.165-hal.6.

3. Tuhfat al-Nafis ms.45.

3. Tuhfat al-Nafis dlm JMERAS jld.X bil.2(1932) ms.48 hal.8.

dan oleh kerana hendak mengelakkan pertengkaran dan pertumpahan darah beliau telah membawa anak bininya pergi ke Linggi¹. Sepupunya Raja Haji² tidak dibawanya bersama. Peristiwa ini berlaku dalam tahun 1753.

1.9. Apabila Y. diP. Muda Daing Kemboja sudah keluar dari Riau maka oleh Raja Kechil Trengganu hendak diserahkannya Raja Haji kepada Belanda. Raja Haji mendapat tahu tentang hal itu. Ia pun bersiap dan mengajak Raja Kechil Trengganu itu berperang. Tetapi ia telah dipujuk oleh Sultan Sulaiman, kemudian disuruhnya pergi ke Kuala Linggi bersama Raja Kechil Trengganu kerana menjemput Y. diP. Muda balik ke Riau. Akan tetapi, apabila sampai ke Malaka Raja Kechil Trengganu telah naik kedarat kerana mendapatkan Belanda serta disuruhnya menangkap Raja Haji.

Perbuatan Raja Kechil Trengganu itu diketahui oleh seorang Inche' Awal³. Dia pun pergi ke Linggi mendapatkan Y. diP. Muda Daing Kemboja, lalu dikhabarkannya kepada Y. diP. Muda itu. Raja Selangor pun dipanggil dan disuruh pergi mengambil Raja Haji di Tanjong Kling. Dari sana Raja Haji dibawa balik ke Kuala Linggi⁴.

1.10. Dalam tahun 1755 Raja Alam dikalahkan oleh Belanda. Beliau lari ke Kuala Linggi mendapatkan Daing Kemboja. Dari situ beliau lari ke Batu Bara.⁵

Setahun kemudian Sultan Sulaiman menandatangani satu perjanjian dengan Kompeni Belanda. Ini membolehkan Belanda mendapat bijih dari Selangor, Kelang dan Linggi.⁶ Perbuatan Sultan Sulaiman itu menyebabkan Raja-Raja Bugis marah, maka pechahlah berperangan diantara Bugis dengan Belanda. Raja Kechil Trengganu telah menyebelahi pihak Belanda. Linggi kalah dan Daing Kemboja lari ke

1. Tuhfat al-Nafis ms.91 hal.19, tetapi menurut Ht. N. Johore (ms.12 hal.26-34) Daing Kemboja telah marah kepada Sultan Sulaiman kerana baginda membuat pakat dengan Belanda dan pergi menolong Raja Buang, anak Raja Kechil Trengganu berperang dengan Raja Alam Siak. Oleh itu Daing Kemboja pergi ke Linggi.
2. Ia itu anak Daing Chela' dan juga Kelana memerintah kerajaan dibawah Daing Kemboja.
3. Menurut Dato' Perang Linggi, Inche' Awal inilah yang datang ke Rembau dalam tahun 1755. Lihat ms.12 hal.1-4 dlm Lat. Ilm. ini.
4. Tuhfat al-Nafis ms.93 hal.27-30.
5. Ht. Negeri Johore ms.13 hal.2-3.
6. History of Selangor oleh R. O. Winstedt ms.6 hal.10-12.

Rembau dimana ia telah bertogoh-togohan setia kepada Raja Rembau.¹

1.11. Di Rembau Daing Kemboja telah diberi bantuan oleh Raja Rembau. Ia pergi melanggar Melaka dan mena'alok Tranquerah. Ia telah mendirikan kubunya di Kelambang. Lepas itu ia dapat mena'alok Perenggut, Bukit China, Semabok, dan Telok Ketapang. Ia dibantu oleh Raja 'Alam dari Batu Bara dan Raja Said dari Selangor. Dalam perperangan ini Melaka telah jatuh ketangan Daing Kemboja. Belanda minta perdamaian dan permintaan itu dipenuhi oleh Daing Kemboja. Lepas itu Daing Kemboja balik ke Rembau dan dari sana ia pindah ke Pedas.²

Kemenangan Daing Kemboja itu tidaklah kekal, hanya buat beberapa bulan sahaja, kerana dalam tahun 1757 Linggi di-ambil oleh Belanda. Dengan itu kedua-dua Linggi dan Rembau diserahkan kepada Belanda³.

Dalam tahun 1758 Bugis telah diajak oleh Belanda menandatangani satu perjanjian di Fort Filipina, Kuala Linggi dan dalam tahun 1759 satu lagi perjanjian dibuat diantara David Bulan, Tuan Governor Melaka, dengan Daing Kemboja Linggi, Raja Tua Kelang dan ketua-ketua Rembau. Kedua-dua perjanjian itu membolehkan Belanda mendapat hasil bijih dari Linggi, Rembau dan Kelang⁴. Dalam tahun 1760 Sultan Sulaiman menitahkan anakanda baginda Raja di Baroh⁵ pergi ke Linggi kerana menjemput Daing Kemboja balik ke Riau.

Daing Kemboja kembali ke Riau dan tinggal disana sebagai Yang diPertuan Muda Riau dengan Raja Haji sebagai Kelananya⁶. Dengan itu hilanglah nama Linggi itu selama dua puluh tahun hanya dalam tahun 1780 baharulah nama itu kedengaran disebut orang.

-
1. To' Lulinsoh, Undang Rembau yang ke IX (1750-1790). Tetapi mengikut Ht. Negeri Johore (ms.14 hal.5) Raja Rembau itu seorang yang bernama "Yang diPertuan Raja 'Ali".
 2. Hikayat Negeri Johore ms.15 hal.8.
 3. History of Negri Sembilan oleh Winstedt ms.56 hal.42-44.
 4. History of N. Sembilan oleh Winstedt ms.57 hal.3-9.
 5. Tuhfat al-Nafis ms.100 hal.8-9. Tetapi dlm Ht.Negeri Johore ed. Winstedt (ms.17 hal.26-27) didapati "Raja di-Baro" sahaja.
 6. Tuhfat al-Nafis ms.105 hal.5-6.

2. Sesudah tahun Maschi 1775.

Dalam bahagian pertama telah dikatakan bahawa Y.diP.M. Daing Kemboja kembali ke Riau dalam tahun 1760 diatas jemputan Raja di Baroh. Tetapi mengapa pula nama Linggi itu tidak lagi disebut orang buat beberapa tahun. Yang peleknya kemana pula perginya orang-orang Linggi serta Penghulunya yang telah "bersetia dan berjanji tiada menderhaka kepada Raja Bugis"¹ itu. Tidak dapat ditentukan sama ada mereka turut pergi ke Riau atau pun tidak.

Boleh jadi orang-orang Linggi itu mengikut Daing Kemboja lari ke Rembau apabila Linggi jatuh ketangan Belanda dalam tahun 1756². Dan, apabila Daing Kemboja pindah ke Pedas tentulah beberapa orang Linggi itu telah turut pindah dan yang lainnya tinggal di Rembau.

2.1. Negri Riau telah menjadi aman dan ma'mor, dan telah pun berdamai dengan Kompeni Belanda. Y.diP.M. Daing Kemboja serta Kolananya Raja Haji tiada membuat kerja lain hanya "membesarkan perniagaan didalam Riau"³ itu sahaja. Akan tetapi suku-suku Melayu dibawah Bendahara dan Temenggong tidak mahu menerima shukur. Sebaliknya mereka buat berbagai fitnah terhadap Raja-Raja Bugis itu. Mereka mengutus surat kepada Raja Kechil Trengganu mengadukan bahawa "Riau hendak dibinasakan oleh Bugis, hendak dibunuhnya dan hendak dipupusnya sekali"⁴ suku-suku Melayu serta dimintanya Raja Kechil Trengganu "datang melanggar Riau dan minta ambilkan intan gemala dibawah tapak kaki Bugis"⁵ itu.

Raja Ismail⁶ Siak telah diberi tahu tentang permintaan suku-suku Melayu itu dan ia pun bersiap hendak melanggar Riau. Y.diP.M. Daing Kemboja dapat tahu tentang hal persiapan itu. Maka ia pun menghalaukan Raja Tua keluar dari Riau dan dipindahkannya segala senjata-senjata yang besar-besar dari Riau ke

1. Lihat ms.6 hal.6 dlm. cheraian 1.6 dlm Lat. Ilm. ini.

2. Ibid. ms.8 hal.23.

3. Tuhfat al-Nafis ms.114 hal.10.

4. Ibid. ms.115 hal.5.

5. Ibid. ms.121 hal.23.

6. Chuchu Raja Kechil Siak yang telah melanggar Johore Lama dalam tahun 1717.

Pulau Bayan.¹ Disuruhnya jaga senjata-senjata itu, kerana Daing Kemboja takut kalau suku-suku Melayu itu belot dan pergi membantu Raja Ismail. Kemudian Daing Kemboja keluar dari Riau kerana hendak mendapatkan Raja Ismail dilaut. Mereka bertemu dekat Singapura dalam tahun 1764, lalu berperang. Raja Ismail telah kalah dan lari. Daing Kemboja pun balik ke Riau dengan membawa bersamanya surat-surat itu.

2.2. Sampai disini Raja Ali Haji tidak ada menyebutkan apa-apa tentang Daing Kemboja hanya tentang keamanan negeri Riau dan juga tentang kematian Y. di P. Muda itu² iaitu dalam tahun 1777. Tetapi mengikut C.W.C. Parr dan W.H. Mackray, "Daing Kemboja yang tidak mendapat bantuan dari Belanda telah dikalahkan dan telah undur ke Riau dalam tahun 1773"³. Sayangnya Parr dan Mackray tidak menyebutkan kepada siapa Daing Kemboja telah kalah dan dimana Daing itu dikalahkan.

Menurut Newbold,⁴ orang-orang Minangkabau (dalam Negri Sembilan) tidak suka kepada kebebasan Raja-Raja Bugis dan oleh kerana itu mereka telah menjemput Raja Melwar dari Minangkabau (Sumatra). Penghulu-penghulu Sungai Ujong, Rembau, Johol dan Sri Menanti telah menyokong Raja Melwar dan dalam pertemporan dengan Daing Kemboja, Raja Melwar telah menang. Dengan itu putuslah ikatan 'beraja ke Johore' dan timbullah 'bertuan ke Minangkabau'⁵.

2.3. Kekalahan Daing Kemboja itu tidaklah penting jika dibandingkan dengan perbuatan suku-suku Melayu Riau terhadap orang-orang Bugis didalam Riau. "Dendam kesumat"⁶ mereka masih ada. Mereka chuba juga memburokkan nama Bugis itu. Perbuatan yang demikian merosakkan keamanan dan menimbulkan perselisihan

1. Tuhfat al-Nafis ms.118 hal.7-8.

2. Tuhfat al-Nafis ms.147 hal.9.

3. Rembau dlm JSERAS No.56(1910) ms.17 hal.15-17.

4. Political and Statistical Account of the Br.Settlements in the Straits of Malacca jld II(1839) ms.79-80.

5. Pepatah adat, "Beraja ke Johore,
Bertali ke Siak,
Bertuan ke Minangkabau."

6. Tuhfat al-Nafis ms.151 hal.3.

faham diantara orang-orang Bugis dengan suku-suku Melayu itu. Tidak hairanlah apa yang dikatakan dan diperchayai bahawa dalam tahun 1775 beberapa orang Bugis datang ke Rembau dari Riau dan tinggal di Penajis¹. Orang-orang Bugis itu diketuai oleh Dato' Awaludin dengan kakaknya Dato' Srilah. Mereka telah dibenarkan tinggal di Penajis oleh To' Lulinsoh².

Orang-orang Bugis itu ada mempunyai 'adat dan 'adat mereka itu adalah bertentangan dengan undang-undang Rembau iaitu 'Adat Perpatih yang telah dibawa masuk kedalam Rembau oleh Raja Melwar dalam tahun 1770³. Orang-orang Bugis itu sanggop mengamalkan 'Adat Perpatih itu, akan tetapi mereka tidak dapat memenohi syarat-syarat yang melarangkan kawin sepupu sanak ibu dan yang memaksa harta pesaka diturunkan kepada anak perempuan.

Pertentangan 'adat resam itu telah menimbulkan pergaduhan diantara orang-orang Bugis dengan orang-orang Minangkabau didalam Rembau. Bilangan orang-orang Bugis itu amat sedikit. Oleh kerana hendak mengelakkan pembunuhan mereka telah lari ke Sungai Ujong untuk berlindung. Pada masa itu Sungai Ujong memakai 'Adat Temenggong⁴ dan kedatangan orang-orang Bugis itu diterima oleh Dato' Kelana Loha⁵ yang membenarkan orang-orang Bugis itu pergi menyeroke di Kuala Linggi dalam tahun 1780.⁶ Dalam tahun 1783 baharulah orang-orang Bugis itu pindah ke Linggi untuk menegakkan 'adat mereka sendiri⁷. Mereka dikhenn-

-
1. Dari sini hingga akhir bab ini ialah hasil pertemuan saya dengan To' Perang Abdul Samad b. Zainuddin. Keterangannya sudah saya bandingkan dengan tulisan-tulisan orang ternama seperti Newbold, Wilkinson, Winstedt, dan Gullick.
 2. Menurut R.J. Wilkinson (dlm JSERAS No.83(1921) ms.138 hal.36) Undang Rembau masa itu ialah To' Uban. Tetapi To' Uban sudah lama mati (matinya dlm tahun 1660).
 3. Sungai Ujong oleh Gullick ms.17 hal.18, dan dlm tahun 1773 ia dijadikan Yam Tuan Besar N.Sembilan di Penajis dan kemudian ia pindah ke Sri Menanti.
 4. R.J. Wilkinson dlm JSERAS No.83(1921) ms.138 hal.41.
 5. Dato' Kelana Sungai Ujong yang ke IX.
 6. R.J. Wilkinson dlm Papers on Malay Subjects bl.5 ms.32 hal.37.
 7. History of N.Sembilan oleh Winstedt ms.58 hal.25-26.

Lepas itu Upu-Upu itu berkumpul didalam Riau dan melantek Raja Sulaiman menjadi Sultan Sulaiman Badr-al-Alam Shah menggantikan paduka ayahandanya Sultan Abdul Jalil¹ yang Mangkat di Kuala Pahang itu. Sultan Sulaimanlah yang menjadi "Yang di-Pertuan Besar memerintahkkan negeri Johore dan Riau dan Pahang dan segala daerah ta'aloknya"². Dengan nasehat Dato' Bendahara Sri Maharaja Tun Abbas, Kelana Jaya Petra dijadikan Yang di-Pertuan Muda Riau.

1.7. Dalam tahun 1728, Upu Daing Merewah meninggal dunia. Tempatnya diganti oleh Upu Daing Chela'³. Dalam tahun 1745, Upu Daing Chela' pula meninggal dunia.

Dalam tahun itu juga Sultan Sulaiman ada membuat satu perjanjian dengan Belanda iaitu baginda sedia menyerahkan Siak jika sekiranya Belanda dapat membantunya menentang sebarang musuh yang hendak melanggar Riau, dan disamping itu baginda ingin berkuasa kembali di Selangor, Kelang dan Linggi⁴.

1.8. Setelah Upu Daing Chela' meninggal dunia, Daing Kemboja anak Upu Daing Perani dengan isterinya Cho' Fatimah⁵, pergi ke Selangor kerana hendak muafakat dengan saudaranya fasal pangkat Yang di-Pertuan Muda itu. Kemudian ia balik ke Riau dan ia dilantek menjadi Yang di-Pertuan Muda Riau oleh Sultan Sulaiman⁶.

Pada masa Yang di-Pertuan Muda Daing Kemboja inilah banyak pergaduhan dan perselisihan faham berlaku diantara Raja-Raja Melayu Riau dengan Raja-Raja peranakan Bugis, disebabkan oleh fitnah⁷ yang datang dari Raja Kechil Trengganu⁸ serta Bendahara dan Temenggong. Daing Kemboja tidak tertahan lagi difitnahkan

-
1. Baginda telah dibunuh oleh Nakhoda Sekam diatas surohan Raja Kechil.
 2. Tuhfat al-Nafis ms.49 hal.15.
 3. Alias Daing Pali (dlm Tuhfat al-Nafis ms.29 hal.30) atau Daing Ali Mangkat di Kota (Ht. Negeri Johore ed. Winstedt ms.12 hal.15).
 4. History of N. Sembilan oleh R.O. Winstedt dlm JMERAS jld.XII bil.3(1934) ms.56 hal.24-31.
 5. Tuhfat al-Nafis ms.16 hal.13, tetapi dlm Ht. Negeri Johore (ms.12 hal.16) Daing Kemboja itu dikatakan anak Tengku Raja Tengah.
 6. Menurut Ht. Negeri Johore (ms.12 hal.17) Daing Kemboja dilantek menjadi Y. diP.Muda didalam negeri Selangor, kemudian baharulah balik ke Riau.
 7. Tuhfat al-Nafis ms.80 hal.31.
 8. Alias Tun Dalam iaitu menantu Sultan Sulaiman. Lihat dalam Tuhfat al-Nafis ms.81 hal.1.

tidak mengadukan apa-apa hal yang datang dari luar dan yang tidak dapat diselesaikan kepada Undang Rembau dan Undang Sungai Ujong. Dengan jalan itu timbullah pepatah yang mengatakan bahawa Linggi itu "Beribu ke Rembau, berpapa ke Sungai Ujong."

2.4. Di Linggi To' Awaludin dan orang-orangnya telah mendapat kesusahan. Bendang mereka tiada menjadi, kerana dirosaki musuh terutamanya oleh tikus. Perchubaannya gagal dan oleh itu To' Awaludin pun balik ke Rembau membawa orang-orangnya sekali. Apa bila ia sampai ke Rembau, maka datanglah seorang Daing Kemboja¹ ke Kuala Linggi dengan tujuan hendak menjemput Dato' Awaludin serta rumbongannya balik ke Riau kerana negri itu sudah aman. Dato' Awaludin menyembahkan hal itu kepada Penghulu Kusil² kerana sudah demikian adatnya³.

Penghulu Rembau datang bersama Dato' Awaludin ke Kuala Linggi kerana hendak mengadap serta memohonkan kebenaran kepada 'Yang diPertuan Muda' itu supaya Dato' Awaludin serta rumbongannya dapat tinggal tetap di Rembau, sebab mereka diangkat anak. Lagi pun, orang-orang Bugis masa itu sangat diperlukan oleh Penghulu Rembau untuk mengajar agama Islam kepada orang-orang Rembau. Anak chuchu Dato' Awaludin telah pun dijadikan imam dan khatib di Rembau. Menurut perjanjiannya dengan Penghulu Rembau itu, orang-orang Bugis dibenarkan memakai 'adat mereka sendiri.

2.5. Mengikut cheritanya adalah tempat kediaman orang-orang Bugis di Penajis itu bersempadan dengan sawar Raja. Raja Ali⁴ tinggal disitu. Raja ini telah meminang Norpisah, anak perempuan Juragan Abdul Rahman⁵. Lamaran itu ditolak

1. Daing Kemboja ini bukannya Daing Kemboja, Yang diPertuan Muda Riau yang ke III itu, kerana beliau sudah lama meninggal dunia (matinya dalam tahun 1777), pada hal kedatangan Daing ini adalah selepas tahun 1795 iaitu semasa To' Kusil menjadi Undang Rembau. Barangkali Daing Kemboja ini seorang orang surohan Raja Haji atau pun Raja Haji sendiri, kerana dalam perkataan To' Perang, Daing ini bergelar Yang diPertuan Muda. Kebetulan pula Raja Haji memang Yang diPertuan Muda pada masa itu.
2. Undang Rembau yang ke XI (1795-1812).
3. Lihat ms.13 hal.1-2, dlm. Lat. Ilm. ini.
4. Raja Ali inilah yang mengaku dirinya Yam Tuan Besar Negri Sembilan dalam tahun 1830. Lihat History of N. Sembilan ms.67 hal.32.
5. Abdul Rahman ini anak kepada To' Awaludin dengan isterinya yang kedua iaitu To' Pipit. "Juragan" itu ialah pangkatnya sebagai seorang ketua didalam kapal.

orang-orang Juragan itu.

Pada suatu hari Juragan Abdul Rahman tiada dirumah dan didalam Rembau. Maka datanglah Raja Ali dengan beberapa orang pengiringnya kerumah Juragan itu kerana hendak menangkap Norpisah. Perchubaan itu gagal kerana Norpisah dapat melarikan dirinya kerumah lain. Seperti kata orang, tiada dapat tandok telinga dipulas, maka ditangkapnya adek Norpisah yang bernama Halimat ul-Sa'diah. Perempuan itu masih lagi kecil dan belum layak bersuami. Menurut chara biasa dijadikanlah pertunangan diantara Raja Ali dengan Sa'diah sementara menantikan perempuan itu besar.

Tidak lama daripada peristiwa itu Juragan Abdul Rahman pun pulang dan telah diberi tahu tentang peristiwa itu. Dia marah lalu muafakat dengan isterinya untuk mengawinkan Norpisah dengan anak saudaranya iaitu Mohd. Attas. Setelah selesai 'adat isti'adat perkahwinan itu, Juragan anak beranak pun lari ke Riau supaya Sa'diah terselamat daripada diperisterikan oleh Raja Ali.

2.6. Orang-orang Bugis yang lain itu tidak pula tinggal di Rembau. Lebai Dolman¹ telah mengajak orang-orang Bugis itu balik ke Kuala Linggi. Dalam tahun 1798 Lebai Dolman dengan adeknya, Kanda² Ali telah berpindah ke Linggi. Mereka diikuti oleh Mahmud dan Noh³ dan kemudian oleh Haji Kassim dan Khatib Musa⁴. Mereka telah membuka belah⁵ di Linggi dan apabila sudah bertambah orang-orang Bugis itu di Linggi, Lebai Dolman pun dijadikan Penghulu Linggi yang pertama.

1. Chuchu To' Srilah.

2. 'Kanda' disini bukannya satu pangkat atau gelaran kebesaran, tetapi ialah nama panggilan Raja Ali sahaja, kerana Kanda Ali itu yang lebih tua daripada Raja Ali.

3. Kedua-duanya chuchu Dato' Srilah.

4. Kedua-duanya chuchu Dato' Awaludin.

5. Menurut Newbold (jld II ms.110 hal.21-25) enam orang orang Rembau yang berasal dari Riau telah pindah ke Kubu Achi iaitu satu tempat dipantai Melaka diantara Tanjong Kling dan Kuala Linggi. Dalam masa membuka belah itu seorang daripada mereka telah ditimpa pohon. Ini dianggap satu kechelakaan dan oleh kerana itu mereka telah pindah kotempat yang ada sekarang.

Empat tahun kemudian Dato' Penghulu Dolman mengumpulkan segala anak buahnya dan dalam kerapatan itu ia bermusuhuarat dan muafakat dengan anak buahnya untuk menjemput bapa saudaranya iaitu Juragan Abdul Rahman balik ke Linggi. Dengan sebulat suara chadangan Lebai Dolman itu dipersetujui segala anak buahnya. Juragan Abdul Rahman pun dijemput orang dan apabila dia sampai ke Linggi, oleh Lebai Dolman diserahkan pangkat, rumah dan kampung halamannya kepada Juragan itu dan buat dirinya didirikannya rumah lain di-Tampin Kiri. Demikianlah caranya Juragan Abdul Rahman dijadikan Penghulu Linggi yang kedua dalam tahun 1802. Dia meninggal dunia setelah delapan belas tahun menjadi Penghulu.

2.7. Semasa dia menjadi Dato' Penghulu Linggi itu, dikawinkannya Sa'diah dengan anak saudaranya Haji Mohd. Salleh, hal ini didengari oleh Raja Ali. Maka ia pun marah lalu datang melanggar rumah Haji Mohd. Salleh, tetapi tiada berjaya membuat apa-apa kerana orang-orang Linggi sudah bersiap. Oleh itu ia pun undor ke Rembau.

Dalam tahun 1818, iaitu sesudah Melaka dipulangkan kepada Belanda, Tuan Timmermann Thyssen telah membuat satu perjanjian dengan Raja Ali dan ketua-ketua Rembau¹ iaitu Rembau dikehendaki menyerahkan segala bijih timah dari Linggi, Sungai Ujong dan Rembau. Perjanjian itu ialah sambongan perjanjian David Bulan dengan Daing Kemboja yang dibuat dalam tahun 1579.² 1779

2.8. Dalam tahun 1820³ sekali lagi orang tua-tua Linggi berkumpul, bermusuhuarat dan muafakat untuk mendapatkan kebulatan. Maka dapatlah kebulatan untuk menjadikan Mohd. Attas⁴ ganti Dato' Penghulu Abdul Rahman itu. Tetapi Mohd. Attas tidak digelar Dato' Penghulu Linggi. Ia digelar orang Dato' Muda Linggi⁵. Gelaran ini disokong oleh ibu-bapa⁶ dan lekatlah gelaran itu hingga hari ini.

-
1. History of N. Sembilan oleh Winstedt ms.64 hal.27-29.
 2. Lihat ms.9 hal.13 charaian 1.11, dlm. Lat. Ilm. ini.
 3. Menurut Parr & Mackray, Mohd. Attas dilantik menjadi Dato' Muda dalam tahun 1824. Lihat 'Rembau' ms.19 chatatan 2.
 4. Anak saudara lagi menantu kepada Juragan Abdul Rahman.
 5. Semasa Juragan menjadi Penghulu Linggi dahulu, Mohd. Attas pernah menolongnya serta memegang jawatan itu. Ia muda, jadi dipanggil Dato' Muda (Dato' yang muda). Panggilan itu lekat hingga ia diangkat menjadi Penghulu Linggi yang ketiga.
 6. Dato' Kelana Kawal dan Dato' Nganit Rembau.

Dato' Muda Mohd. Attas ada bermusuh dengan seorang Saiyid Shaban¹. Disamping itu seorang daripada anak bunuh Dato' Muda Linggi, Nekhoda Lop², namanya, telah menderhaka kepada Ponghulu Linggi itu. Kedua-duanya telah melanggar Linggi dalam tahun 1830, dan Dato' Muda Linggi dapat menghalaukan mereka dan meneruskan berperang itu ke dalam Rembau. Disana Saiyid Shaban chuba membunuh To' Nganit³ kerana beliau tidak mahu menolongnya⁴. Ini menyebabkan Undang Rembau itu menyebelahi Mohd. Attas dan menarik Dato' Kelana Kawal kesebelah pihak Dato' Muda Linggi itu. Kesudahannya pihak Dato' Mohd. Attas mendapat kemenangan.

Pada masa itu Sultan Mahmud memerintah Selangor. Anak Raja-Raja Bugis membuat beberapa kekacauan ditempat kediaman mereka iaitu di Kampong Tamponi. Oleh kerana itu Selangor telah diletakkan dibawah perintah Tuan Newbold. Pada suatu malam dalam tahun 1833 orang-orang Bugis Selangor itu lari ke dalam jajahan Melaka. Kemudian mereka datang ke Linggi.⁵

2.9. Selama empat puluh tahun Linggi dan daerah-daerah yang melingkongnya bertengkar kerana merebutkan "keuntungan dari dagangan bijih timah".⁶ Tiap-tiap ketua yang mempunyai kubu diatas tobing Sungai Linggi itu telah memuntut chukai dari sampan-sampan⁷ yang mengalir sungai itu.

Dalam keadaan yang demikian Melaka diambil kembali oleh British dan dalam tahun 1825 perdagangan bijih timah jatuh ketangan saudagar-saudagar.⁸ Dato'

-
1. Menurut Newbold (ms.131 hal.6-8) ia anak seorang Arab Syed Ibrahim namanya dengan gundeknya Sri Khamis iaitu seorang hamba. Saiyid Shaban menjadi menantu Raja Ali dan kemudian ia diangkat menjadi Yam Tuan Muda Rembau. Lepas itu ia menjadi Raja Tampin dan keturunan daripadanya menjadi Tengku Besar Tampin.
 2. Nekhoda Lobah. Lihat Parr & Mackray ms.21 hal.8.
 3. Undang Rembau yang ke XIII (1819-1838).
 4. Menurut Parr & Mackray (Rembau ms.21 hal.7) Undang Rembau telah disuap dan oleh sebab itu ia beralah pihak.
 5. Newbold's Settlements in the St. of Malacca ms.32 hal.21-22.
 6. Sungai Ujong oleh Gullick ms.60 hal.4.
 7. Ibid. ms.60 hal.10-12.
 8. Newbold jld II ms.96 hal.13. Menurutnyanya juga (ms.104 hal.25-30) saudagar-saudagar China serta saudagar-saudagar lain telah membayar wang premium sebanyak \$1,000/- kepada Dato' Muda, \$100/- kepada tiap-tiap orang Orang Besar Linggi dan \$800/- kepada Dato' Kelana Sungai Ujong.

Muda telah mengenakan chukai¹ sebanyak \$1/- keatas tiap-tiap satu bahara (= 3 pikul) bijih timah yang mengalir Sungai Linggi itu. Selain daripada itu Dato' Muda mendapat 'kepala dagang'² sebanyak 4 hingga 6 ringgit bagi tiap-tiap kepala.

Dalam tahun 1845 Dato' Kelana Sending³ bertengkar dengan Dato' Muda Linggi. Sungai Linggi dikepong oleh Dato' Muda dan sampan-sampan yang membawa bijih ditahan. Dengan jalan demikian kutipan chukai sechara haram telah dilakukan⁴. Akhirnya Kerajaan Selat terpaksa champor tangan dalam hal ini. Dalam tahun 1849 Dato' Kelana Sending dan Dato' Shah Bandar Tunggal⁵ chems lagi hendak berperang, tetapi pergadahan itu dapat diselesaikan dan "Dato' Kelana, Dato' Bandar dan Dato' Muda Linggi dikehendaki membahagikan sama rata segala kutipan chikai dari kenderaan dan dagangan yang keluar masuk muara Sungai Linggi itu."⁶

2.10. Setahun kemudian Dato' Muda Mohd. Attas meninggal dunia iaitu setelah ia menyandang pangkat itu selama tiga puluh tahun. Kebulatan orang tua-tua Linggi mengangkat Haji Mohd. Salleh⁷ menjadi Dato' Muda Linggi. Ia telah membuat tiga orang Orang Besarnya iaitu Dato' Panglima Besar, Dato' Panglima Perang dan Dato' Laksamana. Setelah dua puluh tahun menjadi Dato' Muda Linggi, ia pun meninggal dunia dalam tahun 1870. Dengan bermushuarat dan muafakat orang tua-tua Linggi telah menjadikan Haji Mohd. Peral Dato' Muda Linggi menggantikan tempat ayahnya.

-
1. Ibid. ms.104 hal.14-15.
 2. Chukai yang dikenakan keatas hamba-hamba yang dibawa masuk kedaerah.pendalaman.
 3. Dato' Kelana yang ke XII.
 4. History of N. Sembilan oleh Wirtedt ms.68 hal.11.
 5. Dato' Shah Bandar yang ke X (1849-1874).
 6. Sungai Ujong oleh Gullick ms.60 hal.16-19.
 7. Sepupu sanak ibu lagi biras kepada Dato' Muda Mohd. Attas, juga menantu Juragan Abdul Rahman.

Dalam tahun itu juga satu pertikaian telah timbul berkenaan sempadan dekat Simpang Linggi¹ yang telah dijelaskan dalam perjanjian Rembau-Selangor sebagai sempadan Rembau dengan Selangor. Majorlah satu berperang tidak berlaku diantara Rembau disatu pihak dengan Sungai Ujong dan Linggi dipehak yang satu lagi. Kesudahannya Dato' Muda Linggi, enggan menghantarkan tanda kesetiannya kepada Undang Rembau².

2.11. Kemudian datang pula Sir Andrew Clarke dan dengannya Dato' Kelana Syed Abdul Rahman al-Kadri³ dan Dato' Muda Linggi membuat perjanjian Sungai Ujong.⁴ Menurut perjanjian itu, sesiapa tidak dibenarkan menghalang dan menenakan chukai keatas apa-apa kenderaan yang hilir mudik Sungai Linggi itu, dan lagi "pengkalan"⁵ atau pun kawasan Sempang⁶ itu, serta tebing-tebing Sungai Linggi dari Sempang hingga Permatang Pasir hendaklah diletakkan dibawah jagaan dan urusan Kerajaan British⁷. Perjanjian itu dibuat semata-mata untuk 'kepentingan'⁸ Kerajaan British dan dengan itu Dato' Muda Linggi diberi pehchen.

2.12. Telah dikatakan bahawa Dato' Muda Linggi enggan menghantarkan tanda kesetiannya kepada Undang Rembau. Ini membangkitkan kemarahan Dato' Haji Sahil⁹. Maka ia pun datang ke Linggi dengan satu angkatan yang ramai dalam tahun 1877 dan terus mengepung rumah Dato' Muda Haji Mohd. Peral dengan tujuan hendak memuntut chukai-chukai yang telah dipungut di Sungai Linggi itu.

-
1. Sungai Ujong oleh Gullick ms.60 hal.25. Tetapi menurut Winstedt (dlm History of N.Sembilan ms.69 hal.3). sempadan itu dekat Sempang.
 2. History of N.Sembilan ms.69 hal.5-6. Pada masa itu Undang Rembau ialah To' Akhir (1838-1871).
 3. Dato' Kelana yang ke XIII (1872-1881).
 4. History of N. Sembilan oleh Winstedt ms.69 hal.25-27.
 5. Menurut Parr & Mackray, ada satu kubu dekat Bukit Tiga iaitu Simpang Linggi. Kubu itu telah dibinasakan dalam tahun 1874 iaitu semasa pergaduhan tentang sempadan dekat Simpang Linggi itu berlaku. Lihat chatatannya pada muka 4.
 6. Simpang Linggi.
 7. History of N. Sembilan ms.71 hal.8-12.
 8. Sungai Ujong ms.60 hal.30.
 9. Undang Rembau yang ke XV (1871-1883).

Dengan kebijaksanaan Dato' Panglima Besar Ngah Zakaria, dapatlah di-
 pujok hati Penghulu Rembau yang terkilan itu dengan jalan persaudaraan dan pem-
 berian sagu hati. Penghulu Rembau merasa puas dan ia pun balik ke Rembau.
 Akan tetapi kepada orang-orang Linggi perbuntan To' Haji Sahil itu dianggap
 sebagai membunuh anak. Dengan itu putuslah ikatan Linggi kepada Rembau dan
 Linggi pun mengaku anak kepada Dato' Bandar. Popatah "Beribu ke Rembau,
 berbapa ke Sungai Ujong"¹ diubah menjadi "Berbapa ke Kelana dan beremak ke
 Bandar".

2.13. Dalam tahun 1893 iaitu setelah dua puluh tiga tahun menjadi Dato'
 Muda Linggi, Haji Mohd. Peral pun kembali ke Alam yang baka. Semua waris
 Linggi yang tua-tua telah mengadakan kerapatan serta mushuarat dan muafakat,
 tetapi kebulatan untuk melantik ganti Dato' Muda tidak didapati. Yang dapat
 ialah kebulatan untuk memulangkan lantikan itu kepada ibu-bapa. Ini telah
 dichapai setelah mengadakan mushuarat dan muafakat berturut-turut selama enam
 bulan. Pada masa itu jawatan Dato' Kelana dipungku oleh Dato' Bandar Haji
 Ahmad² kerana Dato' Kelana Ma'mor³ masih kechil lagi. Resident Britishnya
 ialah Tuan Douglas.

Ibu-bapa⁴ telah memilih Mohd. Bustam untuk menyandang pangkat Dato'
 Muda Linggi itu. Ia menang Dato' Panglima Besar dan lagi pun ia seorang
 orang tua Linggi. Ia meninggal dunia dalam tahun 1912 iaitu setelah sembilan
 belas tahun menjadi Dato' Muda Linggi.

1. Lihat ms.13 hal. 3, dlm. Lat. Ilm. ini.

2. Dato' Shah Bandar yang ke XI (1874-1928).

3. Dato' Kelana yang ke XV (1889-1945).

4. Dato' Kelana dan Dato' Shah Bandar Sungai Ujong.

2.14. "Dari tahun 1912 hingga tahun 1932 jawatan Dato' Muda itu telah terhenti"¹ dan dalam tahun 1932 ibu-bapa telah memilih Che Gu Hassan bin Pok sebagai Dato' Muda Linggi. Ia meninggal dunia empat tahun kemudian. Sekali lagi ibu-bapa memilih Syed Ahmad bin Syed Muhammad sebagai Dato' Muda Linggi yang ke VI atau Penghulu Linggi yang ke VIII. Pada 1.5.1959 ia meninggal dunia dan To' Besar Yahya bin Abu telah diangkat menjadi gantinya.

1. Sungai Ujong oleh Gullick ms.61 hal.3-4. Rasa saya tahun 1912 inilah mulanya pertikaian 'adat di Linggi. Apa yang berlaku sejak bulan July 1959 di Linggi itu ialah satu 'gema' pertikaian tahun 1912 itu. Lihat ms.44 hal.9, dlm. Lat. Ilm. ini.